

BERITA

KIT yang dapat mengesan sama ada seseorang mempunyai antibodi untuk meneutralkan koronavirus, yang dicipta oleh penyelidik tempatan, telah mendapat kebenaran Pentadbiran Perubatan dan Makanan Amerika Syarikat (FDA).

Ini menjadikan ia yang pertama mendapat kelulusan sedemikian.

Pada 6 November, FDA mengatakan di laman webnya bahawa ia telah memberi kebenaran untuk penggunaan kecemasan bagi kit yang dikenali sebagai cPass.

cPass merupakan rekaan sebuah pasukan yang diterajui oleh Profesor Wang Linfa, pengarah Duke-NUS bagi program penyakit berjangkit, dan dikembangkan bersama dengan syarikat bioteknologi GenScript Biotech Corporation serta Hab Diagnostik dan Pembangunan (DxD) Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star).

Ia dapat digunakan untuk melihat sekiranya vaksin itu berkesan, periksa jumlah populasi yang telah dijangkiti dan membantu dalam usaha pengesanan kontak yang membolehkan pihak kesihatan untuk menjejak asal-usul virus itu.

cPass juga tidak memerlukan peralatan atau latihan yang khusus untuk digunakan, dan memberikan hasil dalam hanya satu jam.

Kelmarin, Profesor Wang memberitahu, akhbar *The Straits Times* (ST) bahawa kelulusan oleh FDA agak sukar untuk didapati bukan hanya untuk pasukannya tetapi bagi Singapura juga.

“Untuk mempunyai kelulusan oleh FDA sebagai kit komersial pertama dan satu-satunya untuk menentukan antibodi peneutralan untuk Sars-CoV-2 di dunia adalah sesuatu yang agak sukar untuk mencapai.

“Ini adalah pengiktirafan yang luar biasa bagi pasukan kami dan landskap penyelidikan bioteknologi Singapura.

Covid-19: Kit tempatan kesan antibodi dapat kebenaran FDA

“Jumlah penyelidik warga Singapura dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) bioperubatan di Singapura adalah kurang dari satu peratus dari (dunia), namun, kami adalah pemimpin antarabangsa dalam bidang ini untuk Covid-19,” katanya.

FDA berkata ia sebelum ini telah mengeluarkan kebenaran penggunaan kecemasan untuk sekitar 50 ujian serologi, yang juga mengesan antibodi.


Tetapi, ia menambah bahawa kit itu hanya dapat mengesan kehadiran pengikat antibodi, yang mengikat kepada virus tetapi tidak semestinya mengurangkan kemampuannya untuk menjangkiti dan memusnahkan sel.

Sebaliknya, antibodi peneutralan, yang dapat dikesan oleh cPass, dianggap dapat mencegah koronavirus daripada menjangkiti sel-sel pesakit.

Prof Wang mengatakan bahawa mengikuti kelulusan FDA, Duke-NUS, DxD dan GenScript akan berusaha untuk memperluas aplikasi dan jangkauan geografi kit tersebut.

Beliau menambah bahawa cPass juga akan memainkan peranan dalam mencari asal-usul koronavirus kerana dapat mengesan antibodi peneutralan pada bukan hanya manusia, tetapi juga spesies haiwan apa pun.

Menurutnya, pasukannya telah memperolehi dua geran dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengusahakannya.



UJIAN DILULUSKAN OLEH FDA: cPass merupakan rekaan oleh pasukan yang diterajui oleh Profesor Wang yang tidak memerlukan peralatan atau latihan yang sangat khusus untuk digunakan, dan memberikan hasil hanya dalam satu jam. – Foto DUKE-NUS MEDICAL SCHOOL